

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO

TARIKH : 15 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan cubaan membunuh diri dan kes-kes “intentional self harm” mengikut pecahan umur dan etnik dan nyatakan samada Kerajaan akan menyahjenayahkan (*decriminalise*) tindakan cubaan untuk membunuh diri seperti “Mental Healthcare Bill 2016” di India serta berapakah peruntukan yang ditetapkan bagi National Suicide Registry yang dikatakan dihentikan sejak 2016.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik pihak PDRM, bilangan kes cubaan bunuh diri yang dilaporkan dari tahun 2016 hingga Mei 2019 adalah sebanyak 809 kes. Cubaan bunuh diri yang melibatkan kaum India mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu dengan 226 kes. Daripada segi pecahan umur pula, sebanyak 576 kes melibatkan peringkat umur di antara 19 hingga 40 tahun.

Berdasarkan undang-undang negara, cubaan bunuh diri merupakan satu kesalahan jenayah di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan. Kesalahan ini boleh membawa hukuman sehingga satu tahun penjara atau dengan denda atau kedua-duanya. Buat masa ini kerajaan belum memutuskan untuk tidak lagi menjadikan perbuatan ini suatu kesalahan jenayah. National Suicide Registry adalah di bawah tajaan Kementerian Kesihatan Malaysia (*based on clinical research centre @ www.crc.gov.my*)